

31/12/2003

Cuepacs syor bonus tambahan RM2,000

KUALA LUMPUR: Kongres Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) meminta kerajaan menimbangkan pemberian bonus tambahan sebulan atau minimum RM2,000 kepada kira-kira 960,000 kakitangan awam.

Setiausaha Agungnya, Datuk Abdul Rahman Manan, berkata bonus tambahan penting untuk meringankan beban kakitangan awam yang terpaksa berbelanja banyak bagi musim persekolahan baru tidak lama lagi.

"Kakitangan awam memang menunggu bonus tambahan memandangkan perbelanjaan mereka bertambah setiap kali musim baru persekolahan.

"Pemberian bonus tambahan ini sekurang-kurangnya membantu meringankan beban, terutama bagi kakitangan yang mempunyai bilangan anak bersekolah yang ramai," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis penyampaian derma siswa sekolah bagi tahun 2004 untuk anak ahli Kesatuan Pekerja-pekerja Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), di sini semalam. Turut hadir, Ketua Pengarah DBKL, Datuk Ruslin Hasan dan Pengerusi Kesatuan Pekerja-pekerja DBKL, Mohd Iqbal Abdullah.

Abdul Rahman berkata, pihaknya sudah menghantar surat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Menteri Kewangan, semalam.

Beliau berkata, jika diluluskan pihaknya berharap pemberian bonus dipercepatkan iaitu sebelum pilihan raya umum akan datang.

"Surat sudah kita hantar semalam kepada Perdana Menteri dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Kita berharap keputusan menggembirakan akan kita terima.

"Selain itu kita meminta kerajaan mempertimbangkan kenaikan gaji kakitangan awam sebanyak 10 peratus lagi pada tahun depan," katanya.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, ketika membentangkan Bajet 2004 September lalu mengumumkan pembayaran bonus setengah bulan gaji kepada kakitangan awam.

Ketika membentangkan pakej strategi baru pada Mei lalu, kerajaan memberikan bonus setengah bulan gaji kepada kakitangan awam. Ini bermakna, kakitangan awam mendapat bonus sebulan gaji tahun ini.